



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

18 MEI 2024 (SABTU)

Penduduk Rimas Terpaksa Hidup Bergelumang Dengan Lalat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Utara	Online	18 Mei



Mooi Lye (dua dari kanan) menunjukkan ribuan lalat mati di kawasan koridor flat berkenaan.

NIBONG TEBAL - Lebih 20 keluarga yang menghuni di Flat Taman Sintar Indah dekat sini rimas dengan kehadiran ribuan lalat sehingga mengganggu aktiviti serta kehidupan harian mereka.

Masalah lalat yang berlaku sejak setahun lalu dipercayai berpunca dari beberapa ladang ayam daging berhampiran yang didakwa tidak diselenggara dengan baik oleh pengusahaannya.

Penduduk, Shahirah Hashim, 25, berkata, walaupun kehadiran lalat boleh

dikatakan bermusim, namun kali ini penduduk amat terkesan dan tidak tahan lagi dengan kehadiran kumpulan ungas berkenaan dari pagi hingga ke malam.

Menurutnya, dia terpaksa membelanjakan banyak wang untuk membeli alat membunuh dan perangkap lalat, namun langsung tidak menyelesaikan masalah yang membelenggu keluarganya.

"Selain rimas, kami juga bimbang kehadiran lalat akan menjaskan kualiti kesihatan terutamanya

kedua ibu bapa yang sudah tua," katanya ketika ditemui pemberita pada Sabtu.

Bagi surirumah, G Sivapakiam, 60, pula berkata, dia akan menggunakan 10



Besi penyidai baju turut dihinggapi lalat .

"Bayangkan setiap masa lalat berterbangan dalam kawasan rumah, dalam tandas, bilik, dapur dan di luar rumah jangan cakaplah terlalu banyak hingga kan saya nak pergi kerja pun lalat ikut sampai ke dalam kereta.

"Selain rimas, kami juga bimbang kehadiran lalat akan menjaskan kualiti kesihatan terutamanya kedua ibu bapa yang sudah tua," katanya ketika ditemui pemberita pada Sabtu.

Shahirah yang menyewa flat berkenaan sejak Ogos tahun lalu berkata, sekiranya masalah lalat ini terus berlarutan dia dan ibu bapanya merancang untuk berpindah ke tempat lain kerana tidak tahan lagi dengan gangguan setiap hari.

keping perangkap lalat di dalam rumah setiap hari, namun ia seolah tidak memberi kesan.

Jelasnya, paling terganggu ketika dia mahu menyiapkan masakan di dapur kerana lalat suka menghurung ikan atau bahan mentah yang lain.

"Bayangkan setiap kali nak masak atau makan memang susah dapat nikmati hidangan dengan tenang disebabkan lalat.



Sivapakiam menunjukkan perangkap lalat yang digunakan di dalam rumahnya setiap hari.

"Bayangkan setiap kali nak masak atau makan memang susah dapat nikmati hidangan dengan tenang disebabkan lalat.

"Tak payah cakap soal lalat masuk ke dalam masakan dan makanan... Kami harap masalah ini boleh diatasi dengan segera kerana penduduk di sini sudah terlampau rimas," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye berkata, menerusi maklumat dan siasatan dibuat mendapati masalah lalat berkenaan dipercayai berpunca daripada pengurusan sisa yang tidak sistematik dari tiga ladang dipercayai ternakan ayam yang terletak berhampiran.

Beliau berkata berkata, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengadakan lawatan ke atas ladang ternakan terbabit dan meminta supaya penternak membuat kerja-kerja semburan ubat serangga bagi mengawal lalat membiak sekali gus menghurungi kawasan penempatan penduduk.

Jelasnya, beberapa notis dan kompaun turut dikeluarkan kedua-dua agensi berkenaan kepada pengusaha ladang ayam selain mengesahkan terdapat satu ladang ayam haram di kawasan berhampiran flat terbabit.

"Lawatan dibuat susulan aduan yang diterima dan didapati masalah ini berlaku pada bulan-bulan tertentu

iaitu ketika proses pengeluaran ayam yang mana penternak didapati tidak menguruskan sisa dengan baik.

"Oleh itu, MBSP dan DVS telah meminta kerja-kerja pengawalan dilakukan dengan membuat semburan ubat yang mana kita dapati ia telah dimulakan," katanya.-

SINARHARIAN

'Nak Makan Minum Pun Susah Kadang Kala Terasa Seperti Tergigit Lalat'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Wilayah	Online	18 Mei



G Sivapakiam yang menyewa di Flat Taman Sintar Indah menunjukkan pelekat serangga yang dipenuhi lalat.- Foto NSTP/ Nur Izzati Mohamad

NIBONG TEBAL: Penduduk yang mendiami Flat Taman Sintar Indah, di sini runting apabila unit perumahan mereka diserang ribuan lalat sehingga menyebabkan kehidupan sehari-hari terganggu.

Seorang pekerja swasta, Shahirah Hashim, 25, berkata tiga kali kediamannya diserang lalat sejak menyewa di flat berkenaan Ogos lalu.

"Di sini saya lihat, musim lalat ikut bulan dan hampir 10 bulan menyewa di sini, kali ini (bulan Mei) makin teruk, sampai nak

makan dan minum pun susah, kadang kala terasa seperti tergigit lalat.

"Saya tinggal di sini dengan mak dan ayah yang mempunyai masalah kesihatan. Kehadiran lalat ini boleh mengundang keracunan makanan.

"Hampir segenap rumah ini dihurungi lalat, dalam tandas, bilik, dapur dan di luar rumah jangan cakaplah terlalu banyak hingga saya nak pergi kerja pun lalat ikut sampai ke dalam kereta," katanya kepada pemberita, di

sini, hari ini.

Shahirah yang bekerja di sebuah kilang di Batu Kawan, berkata sekiranya masalah itu tidak ditangani segera dia merancang menyewa di tempat lain.

Situasi sama dirasai penduduk G Sivapakiam, 61, yang mahu tindakan segera diambil untuk mengurangkan masalah serangan lalat di kawasan itu.

"Memang ada ladang ternakan berhampiran dan kita harap ia boleh diselesaikan dengan cara baik. Kasihan kami penduduk dan risau masalah ini boleh mengancam kesihatan kami, tambahan pula banyak duit dihabiskan untuk beli perangkap lalat serta penyembur racun," katanya.

Difahamkan, masalah itu didakwa berpunca daripada pengurusan sisa yang tidak sistematik dari tiga ladang, dipercayai ternakan ayam yang terletak berhampiran.

Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye mengadakan tinjauan ke flat berkenaan bagi melihat lebih dekat permasalahan yang berlaku.

Tinjauan hampir satu jam bersama wakil Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) itu turut dikejutkan dengan serangan lalat yang tidak henti.

Ketika sesi temubual pihak media dengan Mooi Lye dan penduduk, ia turut diganggu lalat yang menghurungi anggota badan serta peralatan kamera dan telefon pintar.

Pada masa sama, terdapat juga ribuan lalat sudah mati bertaburan di lantai dan tangga serta terlekat di siling kawasan flat terbabit, keadaan itu sangat meloyakan.

Sementara itu, Mooi Lye berkata, pihak MBSP dan DVS telah mengadakan lawatan ke atas ladang ternakan terbabit dan meminta supaya penternak membuat kerja-kerja semburan ubat serangga bagi mengawal lalat membiak sekali gus menghurungi kawasan penempatan penduduk.

"Lawatan dibuat susulan aduan diterima dan didapati, masalah ini berlaku pada bulan tertentu iaitu ketika proses pengeluaran ayam yang mana penternak didapati tidak menguruskan sisa dengan baik.

"Oleh itu, MBSP dan DVS telah meminta kerja-kerja pengawalan dilakukan dengan membuat semburan ubat yang mana kita dapati ia telah dimulakan," katanya.-
BHONLINE

'Can't Eat Or Drink': Fly Infestation Plaguing Flat Residents In Nibong Tebal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
NST	Nation	Online	18 Mei



Resident G. Sivapakaim, 61, urged for immediate action to address the fly infestation. - NSTP/
NUR IZZATI MOHAMAD

NIBONG TEBAL: Flat Taman Sintar Indah Residents are distressed by the thousands of flies that are plaguing their homes and disrupting their lives.

Private sector worker Shahirah Hashim, 25, said her home had been swarmed by flies three times since she moved in last August.

"I notice that the fly season follows a monthly cycle. After living here for nearly 10 months, this month has been the worst.

"It's difficult to eat or drink. Sometimes it feels like I'm biting into flies.

"I live here with my parents who have health issues. The flies can cause food poisoning. They are everywhere, in the bathroom, bedroom, kitchen and outside.

"They even follow me into my car when I go to work."

She said if the issue was not resolved soon, she would move.

Resident G. Sivapakaim, 61, urged for immediate action to address the fly infestation.

"There is a livestock farm nearby. We hope this can be resolved amicably.

"We, the residents, are worried about our health. We are spending a lot of money on fly traps and insect spray."

The problem is believed to be linked to the alleged poor waste management at three farms nearby, believed to be poultry farms.

Earlier, state Local Government Committee chairman Jason H'ng Mooi Lye visited the flats with representatives from the Seberang Prai City Council (MBSP) and Department of Veterinary Services (DVS).

The interview with H'ng and residents was disrupted by flies swarming people, cameras and smartphones.

Dead flies were seen on the floor, stairs and ceiling around the flats.

H'ng said the MBSP and DVS had visited the farms and asked farmers to use insecticide to control the flies.

"The visit was prompted by complaints. It was found that the problem would occur

during certain months, particularly while chicken is being processed and waste is not managed properly.

"MBSP and DVS have requested pest control measures, including using insecticide, which has already begun." -[NST](#)

Setiap Hari Terpaksa 'Berperang' Dengan Ribuan Lalat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Videos	Online	18 Mei



Setiap hari terpaksa 'berperang' dengan ribuan lalat

Penduduk Flat Taman Sintar Indah, Nibong Tebal tidak mampu lagi bertahan dengan 'kehadiran' ribuan lalat setiap hari yang telah menganggu kehidupan sehari-hari mereka.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR